

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI NACHIAPPAN [JELUTONG]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal dan membentangkan undang-undang keharmonian kaum (Race Relations Act).

JAWAPAN

1. Pada masa ini, undang-undang sedia ada memadai, kepada sesiapa yang dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- i. seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;
- ii. seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- iii. seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- iv. seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan; dan

v. subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

2. Justeru, Kementerian ini berpendapat tiada keperluan untuk menggubal satu undang-undang seperti Undang-Undang Keharmonian Kaum (Race Relations Act) yang mana undang-undang sedia ada selari dengan konsep "Keluarga Malaysia" yang mementingkan integrasi nasional, kesatupaduan, keharmonian, persefahaman dan kestabilan.

Sekian, terima kasih.